

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]**
TARIKH : **3.4.2014**
SOALAN :

Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah sebarang kajian semula dijalankan ke atas keberkesanan Bantuan Pelajar Sekolah serta yuran PIBG:-

- (a) adakah pemberian RM100 bagi semua pelajar merupakan langkah yang tepat atau pemberian itu mestilah berdasarkan jumlah pendapatan keluarga; dan
- (b) adakah sebarang garis panduan atau jumlah maksimum yang boleh diletakkan ke atas yuran PIBG dikeluarkan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mulai tahun 2012, Kerajaan telah melaksanakan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga. Bantuan tersebut diberi kepada setiap murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengambil kira pendapatan keluarga. Sumbangan tersebut adalah bertepatan dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pendidikan kanak-kanak.

- (b) Sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan **Surat Siaran Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/ Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan;** bertarikh 14 November 2011 bagi menyatakan maksud tatacara dan kaedah yang dibolehkan untuk sumbangan yang diberikan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

**TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. ~~46~~ 48

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah gangguan bekalan air sekiranya berlaku banjir. Ini kerana setiap kali berlakunya banjir di kawasan Sungai Padas Beaufort, Sabah, Labuan akan mengalami gangguan bekalan air bersih.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada masa ini sumber utama bekalan air terawat bagi Wilayah Persekutuan Labuan diperolehi daripada Loji Rawatan Air Sungai Padas, Beaufort, Sabah. Sumber air mentah bagi loji rawatan air tersebut diperolehi daripada Sungai Padas.
2. Gangguan bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan yang berlaku ketika banjir disebabkan oleh kekeruhan yang tinggi dan muka sauk loji yang tersumbat akibat kelodak lumpur, pasir dan serpihan kayu berpunca dari hakisan sungai. Bagi mengatasi masalah ini, langkah jangka pendek yang diambil ialah dengan memasang pam pasir bagi mempercepatkan kerja-kerja pembersihan muka sauk. Tindakan ini berupaya meminimumkan tempoh gangguan bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Bagi penyelesaian jangka masa panjang pula, Jabatan Bekalan Air Labuan (JBAL) telah mengeluarkan tender untuk melantik perunding bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan *Band*

Screen serta menjalankan kajian menggunakan konsep *River Bank Filtration* (RBF) di muka sauk loji rawatan air tersebut.
